

RINGKASAN EKSEKUTIF

EIA

Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) untuk Cadangan Projek bagi Mencuci Hampas Pasir di sebahagian Lot PT 5263 di Mukim Pengkalan Hulu, Daerah Hulu Perak, Perak Darul Ridzuan untuk Tentuan LS Capital Ventures Mines Sdn. Bhd.

Keluasan Tapak : 21.05 ek. (8.52 ha)
Bidang Kuasa : Majlis Daerah Pengkalan Hulu (MDPH)



PENGGERAK PROJEK

LS CAPITAL VENTURES MINES SDN. BHD.

Lot 2670, Jalan Baling,
33100 Pengkalan Hulu,
Perak Darul Ridzuan



PERUNDING EIA

ES ECO SMART SDN. BHD.

Level 5, No. 9, Menara ES,
Persiaran Industri, Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur



Pengenalan Projek

- Laporan EIA ini disediakan bagi cadangan projek mencuci hampas pasir di sebahagian Lot PT 5263, meliputi keluasan kira-kira 21.05 ek. (8.52 ha) yang terletak di Mukim Pengkalan Hulu, Daerah Pengkalan Hulu, Perak Darul Ridzuan.
- Tapak projek pada masa ini merupakan kawasan hutan belukar yang padat dengan tumbuhan renek yang terbiar. Struktur lokasi tapak projek yang strategik berhampiran dengan Rahman Hydraulic Tin Sdn. Bhd., yang merupakan pengeluar sumber kepada sisa hampas pasir yang akan di ambil dan diproses untuk projek ini.
- Cadangan projek ini bertujuan untuk menjalankan aktiviti mencuci sisa hampas pasir bagi dapat digunakan semula secara komersial seperti bahan asas jalan atau bahan tambahan bagi pembangunan, sekali gus menyumbang kepada pemulihan sumber secara mampan daripada hasil aktiviti perlombongan.



Keperluan Undang-undang

Selaras dengan Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Alam Sekeliling) 2015;

Jadual Pertama**Aktiviti 8: Lombong**

- (a) Pemprosesan bijih di luar kawasan tenemen mineral, termasuk pemekatan aluminium, kumprum, emas, besi, tantalum atau elemen nadir bumi.

Aktiviti 13: Pembangunan Kawasan Cerun

Pembangunan atau pembersihan tanah yang meliputi kawasan kurang daripada 50 peratus di kawasan cerun yang berkecerunan melebihi atau sama dengan $\geq 25^\circ$ tetapi kurang daripada $< 35^\circ$.

Pernyataan Keperluan

Inisiatif strategik bertujuan untuk mempertingkatkan penggunaan sumber dan menggalakkan pembangunan mampan. Projek ini bertujuan seperti berikut:




- ✔ Memulih dan mengoptimumkan bahan pasir bernilai dari sisa hampas pasir;
- ✔ Mengamalkan kaedah pemprosesan yang mesra alam bagi mengurangkan sisa buangan;
- ✔ Menyumbang kepada ekonomi tempatan melalui peluang pekerjaan;
- ✔ Menyokong amalan industri mampan dengan menggunakan semula hasil buangan untuk diaplikasikan melalui komersial dan industri; dan
- ✔ Pemilihan tapak yang strategik demi kelestarian sumber dan pembangunan yang mampan.

Lokasi Projek dan Aksesibiliti




Cadangan projek ini terletak di sebahagian kawasan lot PT 5263, seluas 21.05 ek. (8.52 ha) di Mukim Pengkalan Hulu. Tapak projek ini terletak kira-kira 10.3 km dari Pengkalan Hulu dan 22.2 km dari Bandar Gerik. Kawasan penempatan terdekat ialah Kg. PPMS Tanah Hitam dan Kg. Air Jernih. Akses ke tapak projek adalah menggunakan Jalan Persekutuan FT076 (Jalan Baling - Kuala Kangsar).




COORDINATE OF THE BOUNDARY PROJECT SITE	
POINT	LONGITUDE
A	101°153.16'E
B	101°202.63'E
C	101°206.48'E
D	101°204.72'E
E	101°200.92'E
F	101°155.16'E
G	101°202.78'E
H	101°158.19'E
I	101°157.17'E
J	101°150.96'E
K	101°150.69'E
L	101°148.09'E
M	101°153.85'E

LEGEND

- Project Site
- Boundary Project Site





Penerangan Projek

Konsep Projek

LS Capital Ventures Mines

Pengurusan Sisa



- Bertujuan untuk mendapatkan sisa hampas pasir dan menukarkannya sehingga menjadi produk yang berkualiti dan berharga.
- Menyokong penggunaan sumber yang mampan dan mengurangkan kesan kepada alam sekitar

Industri Ekonomi



- Memenuhi piawaian kualiti yang diperlukan oleh industri pembinaan.
- Reka bentuk pemprosesan dengan kapasiti 300 tan/jam
- Operasi yang lebih cekap dan berterusan untuk memenuhi permintaan pasaran.

Sifar pelepasan Air



- Sisa daripada proses pencucian hampas pasir akan dibuang ke dalam kolam tadahan di tapak dan akan dirawat dengan kapur untuk menstabilkan nilai pH.

Komponen Projek

Tangki Simpanan Air



- Tangki yang berbentuk segi empat direkabentuk untuk menyimpan dan membekalkan bekalan air bersih bagi proses mencuci hampas pasir;
- Jumlah kapasiti air yang boleh ditampung anggaran 302.06 m³; dan
- Jumlah kapasiti air dianggarkan boleh menanggung proses operasi selama 7 hari mengikut keperluan proses biasa.

Kawasan Pemprosesan



- Kawasan pemprosesan adalah merupakan zon operasi utama untuk mencuci, menapis, dan menghasilkan kualiti produk yang baik dan bersesuaian dengan industri pembinaan. Mesin dan sistem akan direka bentuk dengan lebih efisien dan cekap supaya mudah digunakan ketika pemprosesan dijalankan.

Kolam Tadahan Air (Kolam Retensi)



- Dua buah kolam dibina bagi menampung dan merawat air permukaan serta air buangan daripada kilang proses. Kesemua sisa buangan air dan air larian permukaan akan disalurkan ke dalam kolam yang disediakan.
- Tidak akan ada pelepasan air kemana-mana aliran saluran melalui kolam retensi.
- Air yang telah dirawat akan di salurkan kedalam tangki simpanan air dan digunakan semula untuk proses pencucian hampas pasir.
- Menggunakan sistem tertutup bagi mengurangkan permintaan air mentah, mematuhi piawaian alam sekitar dan mengurangkan risiko buruk kepada badan air yang berhampiran.

Kawasan Stok Simpanan Pasir




- Untuk penyimpanan produk akhir hasil daripada proses pencucian.

Pejabat Tapak & Kediaman Pekerja



- Bangunan sedia ada di tapak projek akan digunakan sebagai pejabat tapak dan penginapan pekerja.
- Bangunan dilengkapi dengan sistem tangki septik yang mematuhi piawaian alam sekitar dan memastikan sisa/kumbahan domestik diurus dengan baik

CARTA ALIR BAGI PROSES MENCUCI HAMPAS PASIR



Aktiviti Projek

Pra-Pembinaan


- Perancangan projek;
- Tinjauan awal tapak;
- Reka bentuk konseptual yang terperinci; dan
- Pengumpulan data dan penyediaan laporan Penilaian EIA

Pembinaan


- Pergerakan pekerja dan Pengangkutan peralatan;
- Pembersihan tapak dan pembuangan biojisim;
- Pembinaan fasiliti bagi pencucian pasir; dan
- Pemasangan peralatan mesin Roll mill

Operasi

- Pengangkutan dan pemprosesan hampas pasir kepada produk baru.



Top View





Persekitaran Sedia Ada

Guna Tanah

- Kawasan tapak projek ini terdiri daripada tanah belukar yang padat dengan tumbuhan renek yang terbiar.
- Sekeliling tapak projek merangkumi kawasan industri/perlombongan, perumahan serta pertanian.
- Zon guna tanah projek ini adalah dikategorikan sebagai kawasan industri.



Iklm

- Data diperolehi daripada Stesen Meteorologi Lubok Merbau dengan jarak 91.36 km daripada tapak projek.
- Suhu harian (2015–2024): 26.5°C - 27.9°C. Kelembapan relatif: minimum 75.3% (Februari), maksimum 86.6% (November). Purata hujan tahunan: 1945.2 mm. Hari hujan tahunan purata: 189.9 hari. Kemasukan hujan bulanan tertinggi: November (240.1 mm, 23.2 hari hujan).



Geologi dan Tanah

- Ciri geologi tapak projek terdiri daripada fasis argilaseus, termasuk batu kelodak honrfels pelitic, batu loh (slate), filit, serta batu pasir dan metastandstone.
- Jenis tanah diklasifikasikan sebagai tanah sedentari, khususnya tanah cerun curam (*Steepland soil*).



Hidrologi

- Tapak projek terletak dalam kawasan tadahan Sungai Kepayang. Sungai ini mengalir bersebelahan tapak projek dan mengalir ke arah timur sejauh 6.3 km sebelum menyatu dengan Sungai Rui.
- Sistem saliran di dalam kawasan projek adalah ringkas.



Kualiti Air

- Sebanyak sebelas (11) sampel air telah diambil untuk dianalisis. Dua (2) stesen persampelan mencatatkan status 'Bersih' (W10 dan W11), tujuh (7) stesen diklasifikasikan sebagai 'Sedikit Tercemar' (W3 hingga W9), manakala dua (2) lagi diklasifikasikan sebagai 'Tercemar' (W1 dan W2).



Kualiti Udara

- Empat (4) lokasi persampelan telah dipilih untuk pensampelan udara ambien. Keputusan asas menunjukkan kepekatan pencemar udara seperti PM₁₀, PM_{2.5}, SO₂, NO₂, CO dan O₃ berada dalam had yang ditetapkan di bawah Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia (MAAQS) 2020.



Bunyi dan Gecaran

- Bunyi: Keputusan daripada empat (4) lokasi pensampelan adalah dalam julat had yang ditetapkan di bawah Jadual Kedua, Garis Panduan Had Bunyi Alam Sekitar (Edisi Ketiga, 2019, Cetakan Semula 2021) untuk kategori guna tanah Subbandar dan Bandar, Pembangunan Bercampur serta Zon Perindustrian.
- Getaran: Kesemua keputusan berada dalam julat had yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga - Had Getaran yang Disarankan bagi Tindak Balas dan Gangguan Manusia terhadap Getaran Berselang-seli (Garis Panduan Had Alam Sekitar, Edisi Ketiga, 2021 - JAS).



Ekologi

- Flora: Sebanyak 57 spesies daripada 37 famili tumbuhan vaskular daratan telah direkodkan semasa tinjauan lapangan. Dua spesies endemik Malaysia iaitu *Diospyros singaporensis* dan *Syzygium pendens* ditemui.
- Fauna: Terdapat sembilan (9) spesies mamalia, lima (5) spesies burung, dan dua (2) spesies herpetofauna dicatatkan. Kepelbagaian burung adalah sederhana, manakala reptilia dan amfibia adalah rendah. Mamalia besar yang dikesan termasuk beruk kera ekor babi, kijang biasa, kucing kepala rata, babi hutan, dan musang pulasan.



Sosioekonomi

- Tinjauan sosial melibatkan 273 responden dalam radius 5 km, majoritinya dari Kg. Klian Intan (44.0%) dan Kg. Tun Saban (47.6%). Walaupun tahap kesedaran awam rendah (4.0%), sebanyak 44.7% menyatakan sokongan terhadap projek: 31.1% menyokong sepenuhnya, manakala 13.6% menyokong secara bersyarat.



Potensi Impak & Langkah Mitigasi




	Fasa Pembinaan	Fasa Operasi
Hakisan Tanah & Mendapan		
Impak	<ul style="list-style-type: none"> Hakisan tanah akibat penyingkiran penutup tumbuh-tumbuhan. Pembersihan tanah dan kerja-kerja tanah yang berkaitan. Kesan yang berkaitan dengan penempatan bahan tambak. Kesan yang berkaitan dengan penggalian di kawasan potongan. 	<ul style="list-style-type: none"> Hakisan permukaan di kawasan tambakan dan potongan. Banjir setempat atau isu saliran berpotensi jika kuantiti air tidak mencukupi. Pencemaran yang berkaitan dengan penyelenggaraan.
Mitigasi	<ul style="list-style-type: none"> Pasang langkah kawalan mendapan di tapak sebelum kerja tanah dimulakan. Laksanakan teknik kawalan hakisan, termasuk perlindungan sementara kawasan terdedah, penanaman rumput, dan pepadatan. Pasang ciri kawalan mendapan seperti kolam mendapan, pagar kelodak, dan palung basuh. Lakukan pemeriksaan dan penyelenggaraan secara berkala terhadap Amalan Pengurusan Terbaik (BMPs). 	<ul style="list-style-type: none"> Lakukan tinjauan secara berkala dan sistematik. Pastikan langkah penanaman rumput dan penstabilan diselenggara dengan baik. Penyelenggaraan berkala terhadap infrastruktur saliran yang betul (contohnya, paip air, pembetung, kolam tadahan) untuk mengurus aliran air larian dan mencegah banjir setempat. Laksanakan jadual pemeriksaan dan penyelenggaraan rutin bagi sistem saliran, perangkap gris, dan pemintas minyak untuk mengelakkan penyumbatan dan pencemaran yang berlaku.
Ekologi		
Impak	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan jentera berat akan menyebabkan kehilangan dan perpecahan habitat kekal disebabkan penyingkiran tumbuhan sepenuhnya. Bunyi bising, habuk dan pergerakan jentera boleh menyebabkan tekanan kepada hidupan fauna. 	<ul style="list-style-type: none"> Konflik antara manusia dan hidupan liar.
Mitigasi	<ul style="list-style-type: none"> Pemantauan berkala terhadap isu berkaitan ekologi. Tiada spesies asing dibenarkan diperkenalkan dalam kawasan projek. 	<ul style="list-style-type: none"> Sebarang penemuan dan potensi konflik antara manusia dan hidupan liar hendaklah dilaporkan kepada PERHILITAN untuk tindakan lanjut.
Hidrologi & Kualiti Air		
Impak	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan pepejal terampai dan tahap kekeruhan Penyelenggaraan kemudahan sanitasi yang tidak sempurna 	<ul style="list-style-type: none"> Larian sedimen yang dialirkan terus ke dalam sungai. Penerimaan sistem pelepasan sifar dijangka menghasilkan impak minimum kualiti air dan ciri-ciri hidrologi.
Mitigasi	<ul style="list-style-type: none"> Sebelum bermulanya kerja tanah, parit bumi perimeter sementara dan kolam mendapan perlu dibina untuk menyalurkan aliran permukaan bagi kawalan pelepasan sedimen Pemantauan kualiti air secara berkala. 	<ul style="list-style-type: none"> Aliran air sedia ada dilindungi daripada pengelodakan yang berlebihan, menghalang kemasukan lebih batu, serpihan sampah, dan bahan pencemar ke dalam saliran air. Menggunakan sistem pengurusan air tertutup, sistem penuaian air hujan bagi mengelakkan bahan larut lesap dan air larian permukaan.
Kualiti Udara		
Impak	<ul style="list-style-type: none"> Debu yang dihasilkan semasa kerja tanah boleh menimbulkan masalah kepada penduduk berhampiran. 	<ul style="list-style-type: none"> Semasa fasa operasi kawasan perindustrian yang dicadangkan, adalah aktiviti perindustrian sederhana dan ringan, impak yang berpotensi kepada kualiti udara ambien mungkin timbul daripada operasi perindustrian individu dalam setiap lot tersebut.
Mitigasi	<ul style="list-style-type: none"> penggunaan penyemburan air terutamanya semasa cuaca kering Kemudahan mencuci roda kenderaan Larangan pembakaran terbuka 	<ul style="list-style-type: none"> Pematuhan Peraturan oleh Pemilik Lot Individu Pemasangan Sistem Kawalan Pencemaran Udara Menyediakan Zon Penampian
Bunyi & Getaran		
Impak	<ul style="list-style-type: none"> Pergerakan kenderaan berat dan aktiviti pembinaan. 	<ul style="list-style-type: none"> Impak bunyi semasa peringkat operasi terutamanya aktiviti Pengendalian, pemasangan Mekanikal, pemunggahan peralatan dan pergerakan kenderaan.
Mitigasi	<ul style="list-style-type: none"> Semua peralatan dan jentera perlu diselenggara dengan baik untuk mengelakkan pengeluaran bunyi dan getaran yang berlebihan Orang awam juga perlu diberi kemudahan untuk membuat aduan sepanjang tempoh pembinaan 	<ul style="list-style-type: none"> Perancangan Susun Atur Tapak Sekatan Waktu bagi Operasi Bising Pemasangan Penutup Akustik dan Halangan Bunyi Penyelenggaraan Berkala Peralatan.
Sosio-Ekonomi		
Impak	<ul style="list-style-type: none"> Kemerosotan kualiti alam sekitar akibat aktiviti pembinaan boleh mengganggu kualiti hidup penduduk berhampiran 	<ul style="list-style-type: none"> Kemerosotan kualiti alam sekitar akibat kecuaiian atau kemalangan semasa operasi industri boleh mengganggu dan membahayakan penduduk berhampiran.
Mitigasi	<ul style="list-style-type: none"> Penggerak Projek hendaklah menubuhkan Unit Pengurusan Komuniti, yang bertanggungjawab untuk menerima, menilai, dan memberi respon kepada aduan daripada komuniti sekeliling 	<ul style="list-style-type: none"> Pencadang projek, melalui Pengurus Taman Perindustrian (IPM), hendaklah meneruskan Unit Pengurusan Komuniti, yang bertanggungjawab untuk menerima, menilai, dan memberi respon kepada aduan daripada komuniti sekeliling.

		Fasa Pembinaan	Fasa Operasi
Pengurusan Sisa			
Impak	<ul style="list-style-type: none"> Antara sisa yang dijangka dihasilkan dari tapak projek adalah sisa pepejal domestik, sisa bahan pembinaan dan sisa terjadual. Kegagalan untuk menguruskan sisa dengan betul berpotensi menyebabkan pencemaran air di Sg. Sepang dan Sg. Rambai. 	<ul style="list-style-type: none"> Keadaan yang tidak menyenangkan dan kebersihan yang teruk dalam taman perindustrian Gangguan bau dan tarikan kepada perosak dan haiwan perosak Potensi sistem saliran dan banjir setempat tersumbat Persepsi visual dan alam sekitar yang negatif terhadap kawasan industri tersebut. 	
Mitigasi	<ul style="list-style-type: none"> Sediakan pusat pengumpulan sisa di dalam tapak projek. Sampah dipisahkan mengikut kategori. Sisa yang dijadualkan mesti dikendalikan mengikut peraturan Kualiti Alam Sekitar (Sisa Teriadual) 2005. Sediakan stor penyimpanan sisa terjadual dan sisa domestik mesti dilupuskan di tapak pelupusan sampah yang ditetapkan. 	<ul style="list-style-type: none"> Setiap lot industri hendaklah dilengkapi dengan tong sampah yang dilabel dengan jelas, tertutup, dan kalis bocor yang ditetapkan untuk jenis sisa yang berbeza (contohnya, kertas, plastik, dan sisa umum) Penggerak projek hendaklah memasukkan garis panduan pengurusan sisa dalam perjanjian penyewaan, yang mewajibkan semua penyewa melaksanakan amalan penyimpanan, pengasingan, dan kebersihan di tapak dengan betul. 	
Trafik			
Impak	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan kenderaan berat 	<ul style="list-style-type: none"> Mungkin meningkatkan kebarangkalian berlakunya kemalangan. 	
Mitigasi	<ul style="list-style-type: none"> Tanda amaran dan pencahayaan yang mencukupi Pelan pengurusan trafik dan logistik 	<ul style="list-style-type: none"> Pemeriksaan dan penyelenggaraan secara berkala. 	





PEMANTAUAN PRESTASI

No	Jenis P2M2	Parameter	Standard/ Rekomendasi	Kekerapan
Kawalan Pengurusan Aliran Larian				
1.	<i>Earth Drain</i>	-	Buang lumpur yang terkumpul apabila saluran drain mencapai 2/3 penuh.	Mingguan & selepas kejadian hujan atau bacaan hujan ~ 12.5 mm.
	<i>Check Dam</i>	-	Lakukan penyah-lumpur apabila sedimen mencapai 1/3 daripada ketinggian empangan.	Mingguan & selepas kejadian hujan atau bacaan hujan ~ 12.5 mm.
Kawalan Hakisan				
2.	<i>Turfing</i>	-	Jangan pangkas rumput sehingga rumput berakar dengan baik..	Siram setiap hari pada minggu pertama, kecuali jika hujan mencukupi.
	<i>Surface Roughening</i>	-	Tanam semula benih atau lakukan kerja semula di kawasan yang diperlukan..	Periksa secara berkala cerun saluran, parit, dan alur air.
	<i>Plastic Sheet/Geotextile/Blanket</i>	-	Pasang semula penambat dan ganti lembaran plastik yang rosak.	Mingguan dan selepas setiap hujan lebat.
Kawalan Sedimen				
3.	<i>Wash trough</i>	-	Buang sedimen secara berkala.	Mingguan & selepas kejadian hujan atau bacaan hujan ~ 12.5 mm.
	<i>Silt Fence</i>	-	Baiki benjolan atau lakukan penyah-lumpur apabila sedimen mencapai 1/3 daripada ketinggian kain.	Mingguan & selepas kejadian hujan atau bacaan hujan ~ 12.5 mm.
	<i>Check Dam</i>	-	Lakukan penyah-lumpur apabila sedimen mencapai 1/3 daripada ketinggian empangan.	Mingguan & selepas kejadian hujan atau bacaan hujan ~ 12.5 mm.
	<i>Silt Trap</i>	TSS: 50 mg/l Turbidity: 50 NTU	Buang sedimen selepas hujan lebat atau apabila takungan mencapai 1/2 penuh.	Mingguan & selepas kejadian hujan atau bacaan hujan ~ 12.5 mm.
Kawalan Jejak				
4.	<i>Stabilized Construction Entrance</i>	-	Periksa dan bersihkan perangkap sedimen selepas hujan.	Secara berkala

Pemantauan Alam Sekitar

PEMANTAUAN PEMATUHAN SEMASA PEMBINAAN	PEMANTAUAN IMPAK SEMASA PEMBINAAN			
	 Kolam Sedimen	 Kualiti Air	 Kualiti Udara	 Bunyi Persekitaran
<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> 2 Stesen <input type="checkbox"/> Setiap bulan dan <i>after rainfall event</i> <input type="checkbox"/> Syarat Kelulusan EIA 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> 4 Stesen <input type="checkbox"/> Bulanan <input type="checkbox"/> Standard Kualiti Air Kebangsaan (NWQS) 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> 4 Stesen <input type="checkbox"/> 3 bulan sekali <input type="checkbox"/> Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia (MAAQS) 2020 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> 4 Stesen <input type="checkbox"/> 3 bulan sekali <input type="checkbox"/> <i>Guidelines for Environmental Noise Limits and Control, Third Edition, 2021 (Reprint).</i> 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> 4 Stesen <input type="checkbox"/> 3 bulan sekali <input type="checkbox"/> <i>Guidelines for Environmental Vibration Limits and Control, Third Edition, 2021.</i>

PEMANTAUAN IMPAK SEMASA OPERASI

 Kualiti Air	 Kualiti Udara	 Bunyi Persekitaran	 Gegaran
<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> 4 Stesen <input type="checkbox"/> Bulanan <input type="checkbox"/> Standard Kualiti Air Kebangsaan (NWQS) 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> 4 Stesen <input type="checkbox"/> 3 bulan sekali <input type="checkbox"/> Standard Kualiti Udara Ambien Malaysia (MAAQS) 2020 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> 4 Stesen <input type="checkbox"/> 3 bulan sekali <input type="checkbox"/> <i>Guidelines for Environmental Noise Limits and Control, Third Edition, 2021 (Reprint).</i> 	<ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> 4 Stesen <input type="checkbox"/> 3 bulan sekali <input type="checkbox"/> <i>Guidelines for Environmental Vibration Limits and Control, Third Edition, 2021.</i>

Cadangan Stesen Pemantauan Impak semasa Fasa Pembinaan dan Operasi

